



**SIARAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PENANDATANGANAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN  
MENGENAI PENAIKTARAFAN EKONOMI KORIDOR BRUNEI-GUANGXI (BGEC)  
DI ANTARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN WILAYAH AUTONOMI GUANGXI  
ZHUANG**

---

Tarikh: 04.02.2023

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang Republik Rakyat China menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai penaiktarafan Ekonomi Koridor Brunei-Guangxi (BGEC) pada 2 Februari 2023, sempena Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama Bersama Ekonomi Koridor Brunei-Guangxi (BGEC JCC) kali ke-3, yang diadakan secara atas talian di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Bandar Seri Begawan.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), manakala bagi pihak Kerajaan Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang ialah Puan Yang Terutama Naib Gabenor Sui Guohua.

Turut menyaksikan penandatanganan tersebut adalah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dan Tuan Yang Terutama Lan Tianli, Gabenor Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang.

MoU bagi penaiktarafan Ekonomi Koridor Brunei-Guangxi (BGEC) ini menandakan komitmen berterusan daripada kedua-dua pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang untuk mengukuhkan lagi kerjasama dan perkembangan BGEC, yang mana telah ditubuhkan melalui MoU yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak semasa Ekspo China-ASEAN (CAEXPO) pada 17 September 2014 di Nanning, Guangxi.

Mesyuarat BGEC JCC kali ke-3 ini mengiktiraf kemajuan yang telah dicapai dalam kerjasama BGEC, dan kerjasama ekonomi dan perdagangan yang berterusan dan semakin erat di antara Negara Brunei Darussalam dan Guangxi, serta pembangunan pelbagai projek-projek kerjasama di bawah rangka kerja BGEC.